

PETANQUE

1.0 PERATURAN TEKNIKAL

- 1.1 Pertandingan adalah tertakluk kepada Undang-undang Am dan Peraturan-peraturan **SUKAN MASUM 2019** yang sedia ada.
- 1.2 Pertandingan juga adalah tertakluk kepada Undang-undang Rasmi Permainan Petanque (Official Rules of the Game of Petanque) yang ditetapkan oleh **Federation International de Petanque et Jeu Provençal (FIPJP)** dan **Persekutuan Petanque Malaysia (PPM)** yang sedia terpakai dan pindaan-pindaannya yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.
- 1.3 Setiap pasukan hanya boleh menghantar penyertaan dengan kadar maksimum seperti berikut ;

Acara	Bilangan Peserta (Kategori L & W)
Single	1 orang
Double	2 orang
Triple	3 orang
Mixed Double	2 orang

- 1.4 Acara Individu
 - 1.4.1 Seseorang pemain hanya boleh mengambil bahagian untuk satu acara sahaja DAN hanya pemain yang bertanding dalam acara Singe atau Double sahaja dibenarkan untuk menyertai acara Mixed Double.
 - 1.4.2 Tiada pertukaran pemain dibenarkan selepas pendaftaran acara individu dilakukan.
- 1.5 Empat (4) acara akan dipertandingkan mengikut kategori-kategori berikut;-

Bil	Acara	Lelaki	Campuran	Wanita
1.	Single	X		X
2.	Double	X		X
3.	Triple	X		X
4.	Mixed Double		X	

- 1.6 Semua bantahan berkaitan dengan perkara teknikal akan diputuskan oleh Ketua Delegat Teknikal.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



- 1.7 Semua bantahan berkaitan dengan peraturan pertandingan akan diputuskan bersama oleh Pengerusi Kejohanan dan Ketua Delegat Teknikal.
- 1.8 Apa jua keputusan yang dibuat oleh Ketua Delegat Teknikal atau Pengerusi Pertandingan adalah muktamad.

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Sistem Pertandingan

- 2.1.1 Pertandingan dijalankan melalui dua (2) peringkat iaitu;
 - 2.1.1.1 Peringkat pertama adalah melibatkan pertandingan kaedah Double Knockout secara berkumpulan.
 - 2.1.1.2 Manakala, peringkat kedua adalah melibatkan pertandingan kaedah kalah mati (direct knockout).
- 2.1.2 Bagi pertandingan peringkat pertama, agihan pasukan kedalam kumpulan adalah melalui kaedah undian.
- 2.1.3 Hanya dua peserta terbaik daripada setiap kumpulan akan layak ke peringkat kedua pertandingan. Undian pusingan kedua hanya melibatkan peserta johan bagi setiap kumpulan sahaja. Kedudukan peserta naib johan akan ditentukan secara silang dan tidak akan bertemu peserta johan daripada kumpulan yang sama, kecuali di perlawanan akhir.
- 2.1.4 Pihak penganjur atau jawatankuasa teknikal pertandingan adalah berhak untuk mengubah kaedah pertandingan atau menggunakan kaedah pertandingan yang lain.
- 2.1.5 Kaedah pertandingan adalah merujuk kepada kaedah pertandingan bermasa atau kaedah mata penamat iaitu 13 mata, atau yang mana terdahulu.
- 2.1.6 Keputusan perlawanan bagi setiap gelanggang perlu dicatatkan pada borang markah dengan lengkap dan tepat. Borang markah yang telah lengkap perlu disemak dan ditandatangani oleh kedua-kedua peserta atau pasukan bertanding, dan seterusnya disahkan oleh pengadil atau arbiter pertandingan yang bertugas.
- 2.1.7 Tiada bantahan boleh dilakukan sekiranya peserta tidak mengesahkan borang markah perlawanan.

2.2 Jadual Pertandingan Acara Individu

- 2.2.1 Perlawanan pertama akan dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan manakala yang lain mengikut kesesuaian masa.
- 2.2.2 Semua pemain mesti berada di gelanggang permainan sekurang-kurangnya lima belas (15) minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 2.2.3 Hanya pengurus pasukan atau jurulatih dibenarkan berada dihujung gelanggang di kerusi yang disediakan.

2.3 Peralatan Dan Lesen Pemain

- 2.3.1 Boules yang boleh digunakan untuk pertandingan adalah yang telah diiktiraf oleh FIPJP atau Persekutuan Petanque Malaysia.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



- 2.3.3 Gelung dan Jack akan disediakan oleh Jawatankuasa Pertandingan dan ianya perlu kembalikan selepas tamat sesuatu perlawanan.
- 2.3.4 Pita pengukur (Measuring Tape) bagi tujuan mengukur kejauhan atau mengukur untuk penentuan mata hendaklah disediakan sendiri oleh pemain atau pasukan yang bertanding. Peserta tidak dibenarkan melakukan anggaran jarak menggunakan pandangan mata atau anggota tubuh.
- 2.3.5 Kad Akreditasi pemain hendaklah dipamerkan sepanjang kejohanan.

2.4 Pakaian Semasa Pertandingan

- 2.4.1 Pemain-pemain hendaklah memakai pakaian yang seragam bagi mewakili institusi masing-masing. Hanya baju sukan yang berleungan dan seluar panjang bersesuaian atau track bottom dibenarkan semasa pertandingan.
- 2.4.2 Bahan pakaian dari jenis kain denim, seluar dengan potongan jeans, atau pakaian ketat adalah tidak dibenarkan.
- 2.4.3 Peserta harus berstokin dan berkasut semasa bertanding.
- 2.4.4 Pengelola Pertandingan berhak untuk tidak membenarkan peserta menyertai pertandingan sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.

2.5 Menarik Diri Daripada Pertandingan (Walk Over)

- 2.5.1 Pasukan atau peserta yang enggan bermain pada waktu yang dijadualkan akan dianggap sebagai menarik diri.
- 2.5.2 Pasukan atau pemain yang menarik diri atau memberi walk-over dalam satu-satu permainan akan hilang kelayakan untuk bermain permainan seterusnya. Semua permainan yang telah dilakukannya dengan sendirinya terbatal.
- 2.5.3 Pasukan atau pemain dibenarkan menarik diri atau menghentikan permainannya atas sebab-sebab kecederaan atau kesihatan yang sah. Apa jua kedudukan mata pada ketika itu akan diterima sebagai keputusan pertandingan yang muktamad.
- 2.5.4 Sekiranya pasukan atau pemain yang menarik diri layak memperolehi hadiah, kelayakan ini akan ditarik balik.

2.5 Taklimat Pengurus Pasukan

- 2.6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan dimulakan.
- 2.6.2 Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

2.6 Gangguan Permainan

- 2.7.1 Sekiranya di atas sesuatu sebab satu permainan atau permainan tidak dapat diteruskan, Jawatankuasa Pengelola akan memutuskan masa yang sesuai untuk menyambung semula permainan yang tertangguh. Keputusan berkaitan dengannya akan dimaklumkan kepada pegawai-pegawai pasukan secara rasmi sekurang-kurangnya satu (1) jam sebelum permainan dimulakan.
- 2.7.2 Jawatankuasa Pengelola boleh menetapkan permainan yang tertangguh diadakan di gelanggang yang berlainan.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



3.0 RINGKASAN PENYERTAAN

3.1 Setiap pasukan boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita yang terdiri daripada :-

Jawatan	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1	
Jurulatih	1	
Pemain	6	6

4.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

4.1 Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM

5.0 KELAYAKAN PESERTA

5.1 Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM

6.0 HADIAH – HADIAH

6.1 Pingat-pingat akan diberikan seperti berikut :-

6.1.1 Kategori Lelaki

Bil	Acara	Pingat		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	Single	1	1	1
2.	Double	2	2	2
3.	Triple	3	3	3
	Jumlah	6	6	6

6.1.2 Kategori Wanita

Bil	Acara	Pingat		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	Single	1	1	1
2.	Double	2	2	2
3.	Triple	3	3	3
	Jumlah	6	6	6

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



6.1.3 Kategori Campuran

Bil	Acara	Pingat		
		Emas	Perak	Gangsa
1.	Mixed Double	2	2	2
	Jumlah	2	2	2

7.0 PERKARA-PERKARA LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

7.1 Rujuk Peraturan Am Sukan MASUM